

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Perpustakaan Sultanah Bahiyah
Sent: Thursday, October 25, 2018 9:50 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PSB BANGGA TERIMA KUNJUNGAN PENERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI BAHARU YANG BERBAHAGIA DATO' PROF. DR. SUDIN BIN HARON



25 OKTOBER 2018 | 16 SAFAR 1440H

UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Disediakan oleh : Zaiful Izwan Ibrahim dan Ku Azmi Ku Ibrahim
Gambar oleh : Mohamad Fuzi Ismail

PSB BANGGA TERIMA KUNJUNGAN PENERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI BAHARU YANG BERBAHAGIA DATO' PROF. DR. SUDIN BIN HARON



Pada 23 Oktober 2018 yang lalu, Perpustakaan Sultanah Bahiyah (PSB) amat berbangga dan berbesar hati menerima kunjungan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Universiti Utara Malaysia (UUM) yang baharu iaitu Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Sudin Bin Haron.

Beliau yang tiba di perkarangan Bangunan Utama PSB tepat jam 8:30 pagi, telah disambut mesra oleh, Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Pendaftar, Ketua Pustakawan, Bendahari dan Penasihat Undang-Undang dengan turut diiringi oleh semua pustakawan PSB dan beberapa pegawai jabatan lain yang terlibat.

Usai sesi bergambar di hadapan pintu masuk, Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Sudin telah diiringi masuk ke dalam PSB untuk sesi taklimat ringkas di Bilik Mesyuarat B, Bangunan Tambahan. Taklimat ini telah disampaikan oleh En. Salleh Hudin Mustaffa selaku Ketua Pustakawan PSB.

Sementara itu, Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Sudin kelihatan tertarik dan berminat dengan perkembangan PSB dan beliau turut menyatakan pandangan beliau dengan cadangan mewujudkan ruangan galeri wakaf di PSB. Selain itu, menurut beliau lagi amat baik sekiranya di masa hadapan, PSB dapat mewujudkan satu sudut khas yang mempunyai koleksi buku-buku yang telah diterbitkan oleh semua Profesor di UUM.

Tambah beliau, *"Sebagai Pengerusi, saya dan ahli-ahli dalam LPU akan memastikan apa yang dilaksanakan serta disusun oleh pihak perpustakaan perlu disokong dengan semua pihak untuk terus bekerja bersama-sama bagi memajukan universiti amnya."* Ketua Pustakawan menyambut baik segala cadangan dan pandangan dan ianya akan cuba direalisasikan dari semasa ke semasa.

Sesudah taklimat, Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Sudin telah dibawa melawat sekitar PSB dan kunjungan ini diakhiri dengan sesi penyampaian plak sebagai cenderahati sekitar jam 10.00 pagi.

Sekian.

FROM:
PERPUSTAKAAN SULTANAH BAHYAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL: 04-928 3627
FAX: 04-928 3613
E-MAIL: uumlib@uum.edu.my
WEBSITE: <https://library.uum.edu.my>



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.